



BAB 5 POLA TABURAN DATA DENGAN JADUAL DAN RAJAH

5.0 PENDAHULUAN

Antara pelbagai perkara yang mesti diketahui mengenai ciri data ialah pola taburan datanya. Pola taburan data diperlukan untuk mengenal pasti sama ada masalah pada komuniti yang sedang dikaji atau untuk memastikan terpenuhinya andaian dalam penggunaan alat analisa statistik yang datanya mesti memiliki pola taburan tertentu. Pola taburan yang paling popular dan yang sesuai dengan pelbagai alat analisa statistik ialah pola taburan normal. Pelbagai alat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti pola taburan data tersebut yang akan dihuraikan pada Bab ini iaitu jadual frekuensi, histogram kekerapan, gambar rajah dahan daun (*stem and leaf diagram*) dan gambar rajah kotak garis (*box-plot diagram*).

5.1 JADUAL KEKERAPAN DAN HISTOGRAM KEKERAPAN

Sebagaimana dihuraikan sebelumnya bahawa statistik menyediakan pelbagai alat untuk menerangkan data sama ada secara visual ataupun dengan ukuran. Salah satu antara alat tersebut adalah histogram kekerapan iaitu graf yang mana pada paksi mendatarnya diletakkan pembolehubah yang dikaji dan dibuat dalam bentuk

data yang dikelaskan, sedangkan pada paksi menegak diletakkan kekerapan dari setiap kelas data yang dikelaskan tersebut. Pengkelasan data diperolehi melalui jadual kekerapan.

Dengan jadual kekerapan, data mentah (*raw data*) akan diklasifikasikan mengikut setiap kumpulan. Sebagai contoh, suatu penyelidikan mengenai peruntukan pembayaran keluarga di sebuah daerah dan salah satu yang dikaji adalah kadar pembayaran ubat berdasarkan resit perubatan yang terakhir berurusan dengan pihak hospital. Jadual 5.1, menunjukkan contoh data kekerapan dari kadar pembayaran ubat berdasarkan resit perubatan 900 pesakit sebagai sampel (dalam ribuan rupiah).

Jadual 5.1: Data Kekerapan Pembayaran Ubat Berdasarkan Resit Perubatan.

Nombor	Nilai (Rupiah)	Kekerapan	Kekerapan kumulatif
1	55.5 – 95.5	27	27
2	95.5 – 135.5	55	82
3	135.5 – 175.5	88	170
4	175.5 – 215.5	119	289
5	215.5 – 255.5	150	439
6	255.5 – 295.5	176	615
7	295.5 – 335.5	201	816
8	335.5 – 375.5	45	861
9	375.5 – 415.5	22	883
10	415.5 – 455.5	13	896
11	455.5 – 495.5	4	900

Sumber: Data Simulasi

Dalam daftar kekerapan tersebut, kita tidak lagi mendapatkan data asal kerana kita mengetahui hanya terdapat 27 pesakit yang dikenakan bayaran antara 55 ribu rupiah sehingga 95 ribu rupiah. Untuk bayaran yang dikenakan antara 95 ribu sehingga 135 ribu hanya melibatkan 55 pesakit, begitu juga bagi bayaran perubatan antara 455 ribu rupiah sehingga 495 ribu rupiah, hanya 4 pesakit